

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 FEBRUARY 2017



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ketika mesyuarat dua hala di Seri Perdana, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

# Hubungan tahap tertinggi

UM - 28/2/2017

Oleh KAMIL MASLIH, SOFIAN BAHAROM dan JUANI MUNIR  
ABU BAKAR

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 27 FEB.

**R**AJA Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud menyifatkan kerjasama dua hala Arab Saudi-Malaysia kini berada pada tahap tertinggi sejak hubungan diplomatik terjalin antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, baginda yang merupakan Penjaga Dua Masjid Suci berkongsi perkara tersebut dalam perbincangan bersamanya dan beliau cukup berbangga dengan penghormatan tersebut.

“Raja Salman seringkali menggunakan istilah hubungan yang terbaik serta hubungan tahap

tertinggi antara kedua-dua negara. Saya juga berpendapat hubungan antara kedua-dua negara berada di tahap tertinggi.

“Saya yakin lawatan Raja Salman bukan sahaja bersejarah, tetapi akan memperkukuhkan dan membawa hubungan kedua-dua negara ke arah yang lebih erat pada masa hadapan,” katanya dalam sidang akhbar di Seri Perdana di sini hari ini.

Raja Salman yang dalam rangka lawatan selama empat hari di Malaysia berangkat ke kediaman rasmi Perdana Menteri hari ini untuk mesyuarat dua hala Malaysia-Arab Saudi, mesyuarat delegasi, majlis pemeteraian empat memorandum persefahaman (MoU) serta majlis santapan tengah hari rasmi.

Dalam pada itu Najib memberitahu, Malaysia dengan Arab Saudi akan memperkukuhkan ker-

jasama dalam bidang ketenteraan meliputi aspek keselamatan dan pertahanan.

“Kerjasama pertahanan akan diperluaskan, butirannya kita sudah bersetuju dalam peringkat prinsip melibatkan beberapa bidang kerjasama dan pertukaran aset yang kita akan umumkan kemudian,” ujarnya.

“Raja Salman berasa begitu senang hati dengan pendirian Malaysia atas isu-isu antarabangsa khususnya melibatkan tindakan untuk menjelaskan Islam yang sebenar dan memerangi sebarang bentuk keganasan seperti (kumpulan militan) Daesh,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, Raja Salman juga bersetuju menubuhkan sebuah pusat yang dinamakan King Salman Centre for Global Peace bertujuan membanteras naratif yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang radikal

dan ekstremis.

“Selain itu, pusat ini akan bekerjasama dengan Malaysia untuk menyemarakkan konsep wasatiyyah dan kesederhanaan bukan sahaja di sini, tetapi juga di negara-negara barat,” katanya.

Jelas Najib, perbincangan antara beliau dengan Raja Salman berlangsung dalam suasana produktif dan mesra dengan menyentuh pelbagai topik termasuk hubungan bilateral, isu-isu antarabangsa, perkembangan di Asia Barat serta hubungan negara-negara Islam dengan negara-negara kuasa besar.

“Malaysia berasa begitu bangga dan terhormat untuk menerima Raja Salman yang merupakan Penjaga Dua Masjid Suci dalam lawatannya yang pertama ke negara ini. Malaysia merupakan negara pertama di rantau ini dilawati Raja Salman,” katanya.